

# 'Komersialkan pokok jarak'

BH 17/07/08

17

Oleh Mohd Feroz Abu  
bakarferoz@bharian.com.my

**P**ARIT: Risda sedang menimbang secara serius untuk menanam secara komersial jatropha atau pokok jarak yang menghasilkan minyak untuk dijadikan sumber bahan api bio.

Pengerusinya, Tan Sri Rahim Thamby Chik, berkata Institut Penyelidikan Getah Malaysia membantu Risda dalam penyelidikan kesesuaian

pelaksanaan projek itu secara komersial oleh pekebun kecil.

Beliau berkata, tanaman itu berupaya memberi pulangan lebih tinggi berbanding kelapa sawit dari segi pengeluaran sehektar kerana pokok jatropha mengeluarkan buah dan minyak jarak dalam tempoh lapan bulan.

Katanya, pokok jarak juga boleh hidup sehingga 45 tahun dan makhluk perosak tidak mengganggu jatropha kerana kandu-

ngan minyaknya tinggi.

"Jatropha diproses untuk menghasilkan biodiesel. China, Filipina, Indonesia dan India mempunyai kilang memproses tanaman ini.

"Pokok ini boleh ditanam secara bersepadu dengan pokok getah," katanya selepas menyampaikan dividen kepada 260 peserta estet mini, tanam semula berkelompok dan tanam semula komersial Perak Tengah di sini, semalam.